



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS** : PELABURAN ISLAM  
**KOD KURSUS** : DPI2163  
**PEPERIKSAAN** : OKTOBER 2017  
**MASA** : 3 JAM

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (20 Markah)  
BAHAGIAN C (60 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Jadual Nilai Kini/Hadapan
  - iii. Kertas Jawapan Objektif
  - iv. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 12 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab SEMUA di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Waran dan kontrak hadapan adalah contoh
  - A Sekuriti ekuiti
  - B Sekuriti hutang
  - C Sekuriti derivatif
  - D Sekuriti kerajaan
  
2. Tiga (3) syarat minimum syariah bagi sesebuah "multi level marketing" (MLM) termasuklah yang berikut KECUALI
  - A Melantik Majlis Penasihat Syariah.
  - B Produk yang dijual terdiri dari emas atau perak dan dijual secara tangguh
  - C Produk yang ditawarkan mesti ada manfaat dan berkualiti.
  - D Tidak diwajibkan bagi ahli menjual jumlah tertentu bagi memperoleh komisen dari orang bawahannya.
  
3. Manakah diantara yang berikut TIDAK menerangkan '*Al-ghonmu bil gormi*' (tiada keuntungan tanpa risiko)
  - A Asas prinsip pengambilan untung dalam Islam
  - B Keperluan pengurusan risiko dalam pelaburan
  - C Di dalam setiap manfaat, perlu ada tanggungjawab
  - D Risiko dan pulangan mempunyai hubungan yang positif
  
4. Tiga (3) kekangan dalam pelaburan adalah yang berikut KECUALI
  - A Pengurusan
  - B Perundangan
  - C Kewangan
  - D Saikologi

5. Yang manakah daripada pernyataan berikut berkaitan pelbagaian adalah tidak benar
- A Melabur dalam saham biasa tetapi terdiri daripada syarikat dari pelbagai sektor.
  - B Merujuk kepada proses menggabungkan beberapa jenis pelaburan yang tidak bergerak secara selari.
  - C Efisien portfolio berlaku apabila aset-aset yang digabungkan mempunyai kolerasi tidak sempurna
  - D Satu cara bagaimana risiko inflasi dapat dikurangkan.
6. Tiga (3) cara penggunaan harta termasuklah
- i. Pelaburan (*investment*)
  - ii. Simpanan (*saving*)
  - iii. Perbelanjaan (*consumption*)
  - iv. Menyertai skim takaful
- A i dan ii
- B i dan iii
- C ii dan iv sahaja
- D Semua di atas
7. Kelebihan melabur dalam waran adalah seperti berikut KECUALI
- A Mudahpasar.
  - B Potensi untung atas modal.
  - C Harga yang lebih tinggi berbanding saham biasa.
  - D Potensi kenaikan harga apabila harga saham biasa meningkat.
8. Pilih manakah faktor yang boleh mempengaruhi alternatif pelaburan yang dipilih oleh seseorang pelabur
- i. Tahap dalam kitaran hidup
  - ii. Keadaan ekonomi semasa
  - iii. Undang-undang semasa
  - iv. Jumlah dana yang ada

- A i dan ii  
B i dan iii  
C ii dan iv  
D Semua di atas
9. Pelabur yang mementingkan kestabilan pulangan semasa kebiasaannya akan memilih untuk membeli  
A Saham Bertahan  
B Saham Pendapatan  
C Saham Berkembang  
D Saham Mewah
10. Berikut adalah kriteria pelabur yang sesuai untuk melabur dalam unit amanah  
A Menginginkan hak untuk menentukan bagaimana dana diurus  
B Sanggup menanggung risiko yang tinggi  
C Mencapai matlamat kepelbagaian portfolio  
D Menginginkan pulangan yang tinggi
11. Transaksi yang melibatkan penjualan semula sebelum pembayaran dilakukan merujuk kepada  
A *Range trading*  
B *Contra trading*  
C *Swing trading*  
D *Margin trading*
12. Maklumat yang relevan dalam melakukan analisis teknikal termasuklah  
i. Data harga  
ii. Data volum dagangan  
iii. Data kadar bunga di pasaran  
iv. Data kadar peningkatan dalam jualan syarikat

- A** i dan ii
- B** i dan iii
- C** ii dan iv
- D** i, ii dan iii

**13.** Manakah diantara yang berikut adalah konsep penting berkaitan pelaburan

- i. Nilai masa wang
  - ii. Kecairan
  - iii. Pelbagaian
  - iv. Pembrokeran
- 
- A. i dan ii
  - B. i dan iii
  - C. ii dan iv
  - D. i, ii dan iii

**14.** Maklumat yang patut saya ambil tahu mengenai sesebuah syarikat sebelum saya melakukan pelaburan adalah yang berikut KECUALI

- A. Kadar cukai syarikat
- B. Sumber modal syarikat
- C. Nisbah hutang syarikat
- D. Barisan pengurusan tertinggi syarikat

**15.** Saya boleh memperoleh maklumat berkaitan pelaburan dari yang berikut

- i. Pengurus risiko
- ii. Prospektus syarikat
- iii. Pengurus bank
- iv. Laporan tahunan syarikat

- A** i dan ii
- B** i dan iii
- C** ii dan iv
- D** i, ii dan iii

16. Beberapa faktor yang menyumbang kepada keraguan syariah dalam Multi Level Marketing (MLM) termasuk

- A Perniagaan hanya melibatkan mencari *downline* dan tiada produk
- B Pemberian komisen dan bonus kepada ahli
- C Tidak menggunakan skim piramid.
- D Sistem ganjaran yang telus

17. Sektor yang paling terkesan apabila berlakunya kejatuhan ekonomi adalah adalah

- i. Pembinaan
- ii. Makanan
- iii. Automobil
- iv. Sektor tenaga dan utiliti

- A i dan ii
- B i dan iii
- C ii dan iv
- D i,ii dan iii

18. Risiko ini dikategorikan sebagai risiko tidak sistematik. Ianya boleh berpunca dari keupayaan syarikat menghadapi persaingan dan berdepan dengan keadaan ekonomi yang mencabar. Ini merujuk kepada risiko

- A Peristiwa
- B Pasaran
- C Perniagaan
- D Politik

19. Kos melabur dalam unit amanah termasuklah

- i. Yuran perkhidmatan
- ii. Yuran pentadbiran
- iii. Yuran pertukaran dana
- iv. Yuran guaman

- A i dan ii
- B i dan iii
- C ii dan iv
- D i,ii dan iii

20. Kelebihan melabur dalam aset kewangan (*financial assets*) berbanding aset nyata (*real assets*) adalah dari aspek yang berikut KECUALI

- A Ada pasaran rasmi
- B Kecairan yang tinggi
- C Mudah memperoleh maklumat pelaburan
- D Pembelian dibuat dalam kuantiti minimum 1000 unit

[20 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab SEMUA soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Berikan maksud ringkas terma yang berikut :

- a. Pasaran Sekuriti (*Securities market*)
- b. Kekangan pengurusan (*Managerial constraints*)
- c. Saham Berkitar (*Cyclical stock*)
- d. Sekuriti hutang (*Debt security*)
- e. Dagangan margin (*Margin trading*)

(5 markah)

**SOALAN 2**

Terangkan objektif pelaburan yang berikut :

- a. Melindungi kesan inflasi.
- b. Pelbagai portfolio.

(5 markah)

**SOALAN 3**

a. Terangkan yang berikut :

- i) Saham Keutamaan Boleh Tebus
- ii) Saham Keutamaan Kadar Berubah

(3 markah)

b. Senaraikan **DUA (2)** kebaikan utama melabur dalam sekuriti kerajaan.

(2 markah)

**SOALAN 4**

Huraikan dua (2) sebab yang mengharuskan aktiviti pelaburan dijalankan oleh sesorang individu Muslim.

(5 markah)

[20 MARKAH]

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **TIGA (3)** soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Kemayan Bhd. menawarkan saham keutamaan dengan membayar dividen pada kadar 7.5% setahun. Jika harga semasa saham di pasaran adalah RM99.50, manakala nilai par saham adalah RM120 dan kadar pulangan yang anda kehendaki adalah 11%, tentukan yang berikut :
- Berapakah harga saham minimum saham?
  - Sebagai seorang pelabur yang rasional, wajarkah anda membeli saham ini? Menagapa?
- (5 markah)
- b. Terangkan saham keutamaan dari aspek yang berikut :
- Tuntutan terhadap perolehan dan aset syarikat.
  - Risiko kadar bunga (*interest rate risk*).
  - Sekuriti hibrid.
- (6 markah)
- c. Anda telah membeli saham Syarikat Jiss Bhd. pada harga RM 0.45 seunit pada awal tahun ini dan bercadang menjualnya semula pada bulan September pada harga yang dijangka RM0.49 seunit. Kadar dividen yang dijangka ditawarkan syarikat untuk tahun ini adalah adalah 4.5%. Nilai par saham adalah RM1.25. Kirakan kadar pulangan pelaburan (HPR) ini.
- (3 markah)
- d. Ayah anda baru saja memenangi hadiah tunai berjumlah RM470,000 kerana menyertai peraduan "Shell dan Menang". Dia bercadang untuk melabur menggunakan wang yang ada dan telah pun memutuskan untuk melabur dalam i) emas dan ii) *collectibles*. Terangkan secara terperinci kebaikan kedua-dua alternatif ini.

(6 markah)

**SOALAN 2**

- a. 5.5% kupon bon Syarikat EElya Bhd. dijual pada harga RM820. Nilai muka bon adalah RM1000 dan mempunyai tempoh matang selama 15 tahun. Bunga dibayar setiap setengah tahun. Syarikat menjangkakan penebusan bon akan berlaku pada tahun ke 8 pada harga panggilan RM1,015. Kira :
- Kadar pulangan semasa bon. (2 markah)
  - Kadar pulangan hingga tempoh matang bon. (3 markah)
  - Kadar pulangan hingga tempoh penebusan (3 markah)
- b. Diberi maklumat berkaitan **DUA** (2) bon yang ada di pasaran

	<b>Bon SWOTT Bhd.</b>	<b>Bon AMBUSH Bhd.</b>
Kadar kupon	6%	7.5%
Bilangan kali bunga dibayar dalam setahun	2	1
Tempoh matang (tahun)	10	15
Harga semasa	RM 1020.15	RM 999.99

Untuk setiap bon, kira :

Nilai intrinsik setiap bon jika kadar pulangan dikehendaki adalah 12%. (6 markah)

- c. Terangkan secara ringkas yang berikut :
- DUA (2)** ciri sukuk
  - Junk bonds*
  - Sukuk Musyarakah*

(6 markah)

**SOALAN 3**

- a. Anda telah membeli saham Lowprofile Bhd. Syarikat dijangka membayar dividen sebanyak RM1.80 pada tahun hadapan. Jika kadar pulangan dikehendaki pelabur adalah 16% dan dividen dijangka meningkat setiap tahun pada kadar 7%, kira nilai intrinsik saham syarikat ini.

(3 markah)

- b. Mell Bhd. telah membayar RM2.00 dividen sesaham pada tahun lepas. Syarikat menjangkakan dividen akan meningkat pada kadar 4% pada tahun hadapan, diikuti pada kadar 5% pada tahun kedua, 6% pada tahun ketiga dan empat dan diikuti pada kadar 7% untuk tahun-tahun yang berikutnya. Jika kadar pulangan dikehendaki adalah 10%, kira harga saham pada hari ini.

(9 markah)

- c Terangkan yang berikut :

- i. Saham Patuh Syariah.
- ii. Risiko perniagaan (*Business risk*).
- iii. Konsep *Musyarakah* dan kaitannya dengan saham biasa.
- iv. Dua (2) sebab mengapa anda tidak tertarik untuk melabur dalam saham biasa.

(8 markah)

**SOALAN 4**

- a. Diberi maklumat yang berikut mengenai Hoi Kong Bhd. Dan Hub Bhd.

NISBAH	HOI KONG BHD	HUB BHD
Pulangan atas ekuiti	5.3%	7%
Nisbah pembayaran dividen	55%	75%
Pulangan aset	4.5%	6.2%

Berdasarkan maklumat di atas, syarikat manakah menjadi pilihan jika anda bercadang untuk melabur dengan membeli saham biasa syarikat ini. Jelaskan alasan anda berbuat demikian.

(6 markah)

- b. Jelaskan :

- i. Hubungan antara kadar bunga dan harga bon.
- ii. Volatiliti harga bon dan tempoh matang bon.

(4 markah)

- c. Switch Bhd. telah menerbitkan saham keutamaan pada kadar 7% dividen dengan nilai par RM100 sesaham. Untuk menjadikan terbitan syarikat ini menjadi lebih menarik, bersamanya diterbitkan waran yang membolehkan pemegangnya membeli tiga unit saham biasa pada harga RM7.00 sesaham. Harga semasa saham di pasaran adalah RM11.00 manakala harga waran di pasaran adalah RM9.00. Kira:

- i. Nilai teori waran (3 markah)
- ii. Nilai premium waran (2 markah)

- d. Terangkan :

- i. Dua (2) kelebihan waran sebagai alternatif pelaburan.
- ii. Keharusan pelaburan dalam waran.

(5 markah)

**[60 MARKAH]****KERTAS SOALAN TAMAT**

